



**IBRAHIM AHMAD** (lima dari kanan) dan **Dr. Daing Nasir Ibrahim** bersalaman selepas sesi taklimat bersama pengurusan UMP sempena kunjungan Ibrahim ke universiti itu baru-baru ini. - UTUSAN/ IHSAN UMP

# Ibrahim dilantik Pengerusi Lembaga Pengarah UMP

**PEKAN 9 Jan.** - Bekas Ketua Pengarah Mara, Datuk Seri Ibrahim Ahmad, 61, dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** yang baharu selama tiga tahun mulai 1 Januari lalu.

Pelantikan dibuat Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 17 (1) (a) Perlembagaan Universiti.

Pelantikan beliau bagi menggantikan Datuk Seri Mohd. Hilmey Mohd. Taib yang berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti itu selama 11 tahun dari 1 September 2006 hingga 31 Ogos lepas.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, dengan pengalaman luas dimiliki Ibrahim, UMP akan terus cemerlang seiring dalam merealisasikan hasrat universiti itu sebagai sebuah institut pendidikan tinggi bertaraf global.

Hasrat itu kata beliau, berlandaskan daya saing kepakaran teknologi dan kejuruteraan di samping menjadikan UMP sebagai universiti teknologi terunggul menjelang 2020.

"Pihak universiti juga mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Mohd. Hilmey yang telah menyumbang bakti sepanjang 11 tahun ini bersama-sama UMP melalui beberapa fasa pembangunan Pelan Strategik UMP," katanya di sini baru-baru ini.

Menurut Daing Nasir, UMP turut berbesar hati dengan kunjungan julung-julung kali Ibrahim ke universiti berkenaan baru-baru ini untuk bertemu dengan pengurusan universiti dan melihat sendiri perkembangan serta pembangunan kampusnya di daerah ini.

Ibrahim yang berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan Ijazah Sarjana

Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pernah memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah Mara sejak 2010 setelah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan) serta Pengarah Kanan Latihan dan Pendidikan serta Pengarah Bahagian Sumber Manusia Mara selama tiga tahun.

Beliau juga pernah memegang beberapa jawatan lain antaranya Timbalan Pengerusi Majlis Mara, Pengerusi Mara Corporation Sdn. Bhd., Pengerusi Majlis Mara dan Pengerusi Yayasan Pelajaran Mara.

Selain itu, beliau dilantik menjadi Pro-Canselor Universiti Kuala Lumpur (UniKL) mulai 2011 hingga tahun lepas dan kini merupakan Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation serta Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade).